

Lelaki direman bantu siasat kes khianat dengan api di Sri Aman

KUCHING: Seorang lelaki berusia 36 tahun direman tiga hari oleh Mahkamah Majistret Sri Aman semalam, bagi membantu siasatan kes khianat dengan api yang dilaporkan berlaku di sebuah kedai serbanekadi Sri Aman pada malam Ahad.

Perintah reman itu dikeluarkan Hakim Iris Awen Jon selepas permohonan reman dibuat menerusi aplikasi Zoom oleh Pegawai Penyiasat Inspektor Muhammad Huzairie Hamzah.

Mahkamah membenarkan permohonan berkenaan dan memerintahkan suspek direman selama tiga hari bermula 22 hingga 25 September 2026 di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sri Aman.

Suspek ditahan sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah IPD Saratok kira-kira jam 7.15 pada malam

Isnin, 21 September lalu bagi membantu siasatan kes di bawah Seksyen 436 Kanun Keseksaan.

Difahamkan, kejadian dilaporkan berlaku di sebuah kedai serbaneka di Jalan Kecil, Sri Aman pada 20 September lalu sekitar jam 7.25 malam.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Saratok DSP Mathew Manggie dalam kenyataan lewat malam kelmarin mendedahkan polis merampas sebuah telefon bimbit milik suspek bagi membantu siasatan.

Menurutnya, ujian saringan air kencing terhadap suspek didapati negatif.

Beliau berkata, suspek berasal dari Sarikei dan menjalankan perniagaan kedai makan di pekan Saratok sejak kira-kira 10 tahun lalu.

Suspek diwakili peguam Daniel Ling.